

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 3 DISEMBER 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 72

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1213-L15450
Dato' Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan :-
 - (a) sejak penyiaran langsung liputan sidang Dewan Rakyat dilaksanakan pada awal tahun ini, apakah minat dan maklum balas di kalangan rakyat sekiranya kajian dan tinjauan pendapat pernah dibuat; dan
 - (b) jumlah kos penyiaran langsung untuk setahun dan sekiranya Kementerian sedang mengkaji pendekatan-pendekatan yang lebih menjimatkan.
2. PR-1213-L15589
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa hampir 1/3 daripada jumlah anggota polis seluruh negara ada di bawah bidang kuasa Bukit Aman (Segambut) sedangkan kawasan lain mengalami kekurangan terutamanya di Sabah dan Sarawak, adakah sebahagian jumlah tersebut akan di salur ke negeri-negeri lain dan jika tidak, mengapa.
3. PR-1213-L15173
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah / luas ladang kelapa sawit yang telah diusahakan oleh syarikat swasta dan pekebun-pekebun kecil di Sarawak.
4. PR-1213-L14667
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan data jumlah pelajar luar negara yang mengikuti program siswazah di IPTA. Adakah syarat kemasukan mereka setanding dengan pelajar tempatan. Siapakah yang membiayai mereka.

5. PR-1213-L16432
Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah keuntungan pihak FELCRA dan RISDA hasil dari pelaksanaan projek-projek ladang sawit dan getah di negeri Pahang ; dan
 - (b) berapakah hasil daripada jumlah keuntungan ini telah diperoleh oleh masyarakat Orang Asli negeri Pahang yang terlibat dengan projek ladang ini.
6. PR-1213-L16003
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai yang dikutip setiap tahun dari Pulau Pinang sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut cukai perseorangan, korporat dan lain-lain. Berikan juga bilangan pembayar cukai dan berapa banyak yang dikembalikan kepada negeri Pulau Pinang setiap tahun.
7. PR-1213-L16103
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah dana yang diperuntukkan dalam rangka Koridor Pembangunan Sabah (SDC) khusus untuk Sub Wilayah Pedalaman.
8. PR-1213-L15844
Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi "franchisee" Hotel Seri Malaysia di seluruh negara; dan
 - (b) tidakkah Kerajaan berhajat menjadikan franchisee yang berjaya sebagai usahawan ulung dengan menjual Hotel-hotel Seri Malaysia kepada mereka dan peranan Kementerian berkembang dengan membina hotel-hotel baru.
9. PR-1213-L16187
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan generasi ke-2 di Felda Bukit Ramun, Bukit Besar, Pasir Raja dan Sungai Sayong telah dikurniakan tanah tapak kediaman oleh Kerajaan Negeri dan mereka tidak berkemampuan untuk membina rumah dan apakah perancangan FELDA untuk membantu mereka dengan Program Rumah Mesra Rakyat melalui kerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara.
10. PR-1213-L16026
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemalangan maut dan parah sejak tahun 2004 hingga 2007 dari Kuala Selangor hingga Kepong.

11. PR-1213-L15745
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang tanpa izin yang datang ke negara ini pada tahun 2008 dan jumlah mereka yang dihantar pulang serta jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan apabila menghantar mereka pulang.
12. PR-1213-L16229
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan FELDA membina menara ikonik di KLCC akan menjamin pulangan ekonomi memandangkan bangunan-bangunan dan ruang pejabat di Kuala Lumpur sudah melebihi daripada permintaan pasaran.
13. PR-1213-L14927
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan segala kaedah yang sudah diputuskan dan yang akan atau sedang dilaksanakan bagi membantu meringankan bebanan penduduk di pedalaman Sarawak ekoran dari kenaikan harga bahan api dan harga barang.
14. PR-1213-L15894
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status terkini pelaburan dana PPRT dalam Projek Telur Emas di Gading Galoh Bukit Cina, Kelantan:-
 - (a) adakah ibu tunggal yang menjadi peserta kepada projek tersebut masih lagi menerima dividennya; dan
 - (b) kenapakah namanya telah bertukar kepada Glowing Hill Sdn. Bhd. dan di manakah projek tersebut beroperasi kini.
15. PR-1213-L14798
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah aktiviti-aktiviti Tahun Melawat Malaysia akan diteruskan pada setiap tahun memandangkan industri perhotelan yang dikatakan terjejas teruk pada masa kini.
16. PR-1213-L15950
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) apakah hasil kajian MIER (Malaysian Institute of Economic Research) ke atas BERNAS memandangkan kerugian operasi BERNAS sejak April 2008; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan meletakkan BERNAS di bawah kawalan Kerajaan akibat dari kemerosotan tersebut.

17. PR-1213-L15170
Tuan Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana langkah Kementerian dapat membantu meningkatkan harga kelapa kepada pekebun-pekebun kelapa di Malaysia terutama di kawasan Parlimen Sabak Bernam.
18. PR-1213-L14794
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan daripada jumlah pelbagai cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri apakah pecahan yang dikutip daripada setiap negeri dan nyatakan kesediaan LHDN menyediakan kaunter kutip bayaran di cawangan-cawangan untuk kemudahan pembayar cukai.
19. PR-1213-L14886
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik pengambilan pelajar baru tahun pertama ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam bagi tahun 2008 mengikut golongan etnik dan menjelaskan komposisi tersebut.
20. PR-1213-L16105
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan untuk mengadakan sekatan jalan pada 14 Julai 2008 untuk mengelakkan perhimpunan di hadapan Parlimen; dan
 - (b) berapakah jumlah kerugian dari sudut ekonomi disebabkan oleh sekatan jalan tersebut kepada rakyat jelata dan apakah langkah yang diambil untuk mengelak kejadian seumpama ini daripada berulang lagi.
21. PR-1213-L14937
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah seramai 2.8 juta nama pengundi yang tidak layak mengundi masih terdapat dalam daftar pemilih sehingga sekarang. Jika benar, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membersihkan nama-nama tersebut sebelum Pilihan Raya Umum ke- 13.
22. PR-1213-L16308
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kedudukan jalan raya persisiran pantai dari Port Dickson ke negeri Melaka dengan memberikan tarikh jangka siap keseluruhannya dan kos yang terlibat.

23. PR-1213-L14993
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah daging kerbau yang diimport dari India selamat untuk dimakan memandangkan kandungan bakterianya yang tinggi.
24. PR-1213-L15251
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di kawasan luar bandar.
25. PR-1213-L15043
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Kitar Semula (recycle) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan semenjak tahun 2001. Berapakah peruntukan tahunan mengikut negeri bagi program tersebut.
26. PR-1213-L16058
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menangkap dan menghantar pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Berapa lama tindakan ini dijalankan dan bagaimana dengan pemegang-pemegang dokumen pengenalan palsu.
27. PR-1213-L15352
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa harga padi di Kedah dan Perlis begitu rendah berbanding harga padi di Selangor dan bolehkah harga padi diseragamkan pada kadar RM1,280.00/tan metrik memandangkan pulangan yang terlalu rendah sekiranya harga dikekalkan pada kadar RM900.00 hingga RM950.00/tan metrik.
28. PR-1213-L16355
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah isi-isi perjanjian yang terkandung dalam MOU antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi menjadikan beberapa sekolah agama bantuan Kerajaan negeri diberi bantuan oleh Kerajaan pusat.
29. PR-1213-L15782
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga 17 Ogos 2008 apakah tindakan telah diambil oleh Pejabat Peguam Negara dan BPR terhadap 'recommendations' oleh Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Klip Video VK Lingam, yang telah dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9 Mei 2008.

30. PR-1213-L15003
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan kontraktor seluruh negara yang memulangkan kembali 'letters of award' kepada Kerajaan ekoran ketidakupayaan menanggung peningkatan kos projek dan apa langkah Kerajaan membantu mereka.
31. PR-1213-L15613
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian bercadang untuk membina Sekolah Menengah Agama di Petaling Jaya Selatan khususnya di DUN Taman Medan, memandangkan permintaan yang tinggi di kalangan penduduk beragama Islam; dan
 - (b) berapa jumlah sekolah dan pelajar sekolah rendah agama di dalam kawasan Petaling Jaya Selatan.
32. PR-1213-L15205
Dato' Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tanggungjawab Kementerian terhadap pembangunan fizikal di sekolah-sekolah mubaligh di Sarawak.
33. PR-1213-L16314
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah status report polis Sg. Way No: 1227/1998 dan apa tindakan susulan yang telah dan akan diambil; dan
 - (b) apakah status report polis Gemas No: 1573/07 & Gemas No: 1614/07 dan apa tindakan susulan yang telah dan akan diambil dan mengapa tiada sebarang inkues dilaksanakan untuk mengenal pasti pembunuhan mangsa-mangsa.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2009 (D.R.16/2008) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2009 seperti berikut:-**

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima ribu ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. “

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (02 Disember 2008)

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 17/2008) | Rang Undang-undang Kewangan 2008

(Menteri Kewangan) | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 12/2008) | Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2008

(Menteri Pengajian Tinggi) | “ |
| 4. | (D.R. 14/2008) | Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008.

(Menteri Pengajian Tinggi) | “ |
| 5. | (D.R. 15/2008) | Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.

(Menteri Pertahanan) | “ |
| 6. | (D.R. 19/2008) | Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008.

(Menteri Kewangan) | “ |
| 7. | (D.R. 18/2008) | Rang Undang-undang Orang-Orang Papa (Pindaan) 2008

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) | “ |

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“ Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan kepada Program Penambahan Semula Dana Persatuan Pembangunan Antarabangsa ke Lima Belas sebanyak RM7,327,324. “

9. PR-1213-U14748

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, seluruh dunia dan tidak ketinggalan negara Malaysia, menghadapi masalah pencemaran alam sekitar yang amat serius. Dan mengambil maklum bahawa selain menyebabkan pencemaran alam sekitar, plastik telah menyumbang kepada kejadian banjir, takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lain-lain lagi masalah yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan manusia sejagat. Dan mengambil maklum bahawa, dengan kemajuan teknologi yang terdapat pada ketika ini, terdapat banyak jenis plastik mesra alam atau bio-plastics yang boleh kita gunakan dengan selamat berbanding dengan plastik hasil petroleum. Dan mengambil maklum bahawa kita diberkati dengan bahan-bahan semula jadi bagi menghasilkan plastik mesra alam seperti polylactide acid (PLA) plastic, poly-3-Hydroxybutyrate (PHB) Polyamide 11 (PA 11) dan Bio-Derived Polyethylene. Maka dengan ini, dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda satu akta yang mengharamkan penggunaan plastik hasil keluaran petroleum , dan menggantikan penggunaan plastik tersebut dengan plastik mesra alam."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

10. PR-1213-U14754

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa fenomena global warming menjadi sangat serius dan Malaysia tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dan mengambil maklum bahawa, fenomena ini telah menjadi keraguan bagi seluruh dunia. Dan mengambil maklum bahawa mengikut kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 2002, pelepasan Carbon Dioxide hasil daripada penjanaan kuasa elektrik menyumbang 40% daripada pelepasan Carbon Dioxide yang secara terus menyebabkan kerosakan ozon yang secara langsung pula menyebabkan kepanasan dunia. Dan mengambil maklum juga bahawa hari ini, pembakaran Fossil Fuel dan arang batu sebagai bahan bakar bagi penjanaan kuasa elektrik terbukti memudaratkan kehidupan manusia. Dan mengambil maklum bahawa terdapat banyak teknologi baru bagi menghasilkan tenaga elektrik seperti Pelamis Wave Energy Converter-Ocean Sources , Biomass Fuel, Geothermal Energy, Hydroelectric, Solar Energy, Wind Energy dan Fuel Cell. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga alternatif seperti yang disebutkan tadi, terutama sekali di kawasan yang tidak mendapat bekalan elektrik, misalnya di pulau-pulau di perairan negeri Sabah."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

11. PR-1213-U14757

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa penstrukturan semula subsidi minyak telah membawa impak kepada mutu hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa kesan penstrukturan ini juga telah menyebabkan Kerajaan menanggung kos subsidi yang lain bagi menstabilkan kesejahteraan hidup rakyat. Dan mengambil maklum bahawa penggunaan petrol sebagai bahan bakar (bagi kenderaan) telah meningkat dengan mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga dengan rizab gas asli yang hampir mencapai 100 trilion kaki padu, penggunaan gas asli dalam Natural Gas Vehicle (NGV) haruslah dikembangkan di seluruh negara termasuklah di negeri Sabah dan Sarawak. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menjadikan projek NGV ini sebagai projek nasional, yang mana ianya bukan sahaja dapat menjimatkan wang Kerajaan dari segi subsidi minyak tetapi juga dapat mengurangkan kesan pemanasan dunia."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

12. PR-1213-U15554
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincangkan kedudukan undang-undang dan kesesuaian Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 untuk mewujudkan KL sebagai Bandar Raya Bertaman Tropika dan Bertaraf Dunia. Dewan juga hendak membahaskan pelbagai aspek termasuk penggunaan tanah dan kepadatan kependudukan KL."
- (Menteri Wilayah Persekutuan)**
13. PR-1213-U15555
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana wujudnya kerjasama dari semua pihak dengan Institut Integriti Malaysia untuk meningkatkan integriti dan masalah dan menghapuskan rasuah di negara ini."
- (Perdana Menteri)**
14. PR-1213-U16405
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung sidang Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."
- (Menteri Penerangan)**
15. PR-1213-U16408
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**

16. PR-1213-U16411
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)
17. PR-1213-U16414
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)
18. PR-1213-U14923
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya mengikut seksyen 4, Akta 144 Akta Pembangunan Petroleum 1974 agar Kerajaan negeri yang mengeluarkan minyak mentah dinaikkan royalti daripada 5% setelah dipersetujui oleh kedua-dua pihak kepada kadar 20%."

(Perdana Menteri)
19. PR-1213-U14926
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan untuk membincang supaya Kerajaan merancang serta menyusun semula kerjasama dengan semua negara-negara yang ada kaitan dengan pembangunan BIMP-EAGA agar negara-negara jiran ini dapat sama-sama membangun serentak untuk mengimbangkan pembangunan dengan negara yang kurang membangun. Penghijrahan pekerja daripada negara jiran sudah tentu dapat dibendung khasnya Pendatang Tanpa Izin (PTI) di Sabah dapat dikurangkan."

(Perdana Menteri)

20. PR-1213-U14928
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membincang dengan seriusnya agar perusahaan penanaman padi dapat digembleng dan dipertingkatkan. Kawasan-kawasan sesuai yang terbiar seharusnya diusahakan demi untuk menampung keperluan makanan utama kita. Kerajaan seharusnya mempertimbangkan bantuan kewangan serta nasihat teknikal dalam perusahaan yang murni ini."
- (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)**
21. PR-1213-U16495
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan bahawa kerajaan persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan di semua majlis / dewan bandar raya dan majlis perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi maksud tersebut supaya perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."
- (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)**
22. PR-1213-U16496
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium memperingati kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan bapa pembangunan awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."
- (Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)**
23. PR-1213-U16497
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-
- "Bahawa Dewan ini membantah tindakan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membentuk JKKKP di kampung-kampung dalam negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan campuran Pakatan Rakyat kerana ia bertindan dengan JKKK sedia ada yang ditadbir oleh pejabat daerah di negeri-negeri tersebut menyebabkan rakyat berpecah-belah, berpuak-puak dan didiskriminasikan, sebaliknya merestui JKKK sedia ada dengan menyalurkan peruntukan secara sama rata dan adil."
- (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)**

24. PR-1213-U16498
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mendesak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dalam proses Draf Pelan Tempatan 2020 menetapkan dasar tegas untuk tidak mengambil tindakan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 ke atas tanah-tanah milik persendirian di Kuala Lumpur bagi melaksanakan cadangan pelan yang bertentangan dengan kepentingan dan kehendak rakyat."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

25. PR-1213-U14755
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah membahaskan perubahan dasar iaitu Sistem Pendidikan kini yang amat dipinggirkan dan tanda-tanda yang amat mudah dilihat ialah rendahnya anggaran peruntukan pendidikan yang disediakan untuk kaum bukan bumiputera. Pada masa yang akan datang, pengamalan yang negatif ini akan melumpuhkan kegiatan pengembangan dalam bidang pendidikan dan akibatnya akan mengalami stagnasi yang luar biasa untuk satu kaum. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan bagi menggalakkan dan memberikan peluang untuk reformasi bidang pendidikan di negara agar setiap generasi dan kaum dapat dibentuk sesuai dengan tuntutan zamannya dan bagi perubahan tersebut, kadar nisbah harus dimansuhkan dan pinjaman pendidikan harus dibuka kepada kesemua rakyat Malaysia yang layak untuk mendapatnya."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1213-U14756
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa dengan ini Dewan hendaklah mengambil satu ketetapan untuk meminta Kerajaan Malaysia untuk membina 100 buah Sekolah Cina dan 50 buah Sekolah Tamil yang baru tanpa apa-apa keraguan perbezaannya dalam jangka masa yang singkat."

(Menteri Pelajaran)

27. PR-1213-U15524
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan majlis yang dinamakan Majlis Tindakan Perancangan Tenaga Negara (MTPTN) yang, antara lain akan membincangkan langkah-langkah proaktif Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan berlakunya krisis harga bahan api fosil dunia yang sering kali di manipulasi oleh pasaran minyak mentah antarabangsa. Majlis ini akan berperanan mengikut terma-terma berikut berperanan mengenal pasti dan seterusnya melantik pakar-pakar dalam bidang-bidang berkaitan dari pihak Kerajaan, swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) dan parti-parti politik menganggotai MTPTN, MTPTN berperanan mengemukakan Pelan Induk (Master Plan) untuk membolehkan Kerajaan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang melibatkan krisis harga minyak di pasaran dunia dan mengkaji dengan penuh tanggungjawab bagaimana penstrukturan subsidi minyak boleh diagihkan dengan lebih adil dan kompeten kepada golongan sasar di negara ini."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

28. PR-1213-U15526
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya ditubuhkan satu Jawatankuasa Tertinggi peringkat kebangsaan bagi membolehkan Kerajaan melihat dan mengkaji semula peranan dan masa depan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (SAR) yang semakin lumpuh akibat daripada sikap Kerajaan sendiri yang menghentikan pemberian bantuan per kapita pada tahun 2002."

(Perdana Menteri)

29. PR-1213-U15527
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya dikaji prestasi dan kompetensi Ketua Polis Negara dan Peguam Negara yang semakin dipersoalkan kredibiliti mereka oleh rakyat pada masa ini. Oleh itu, satu Tribunal Khas hendaklah ditubuhkan segera bagi mengembalikan integriti pasukan polis dan Jabatan Peguam Negara dan seterusnya memulihkan kepercayaan rakyat terhadap sistem penguatkuasaan dan pendakwaan di negara ini."

(Perdana Menteri)

30. PR-1213-U15528
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya satu kajian secara holistik hendaklah dijalankan terhadap kepekaan Kerajaan terhadap peranan golongan kurang upaya (OKU) di negara ini. Masih lagi terdapat banyak ruang yang memerlukan tindakan lebih serius Kerajaan untuk membela nasib dan masa depan golongan OKU ini. Ketidakpedulian pihak-pihak tertentu khususnya pihak swasta dan Kerajaan sendiri telah mengakibatkan golongan OKU tercicir terutama untuk mendapatkan hak mereka seperti peluang pekerjaan, kemudahan asas dan rawatan kesihatan."

(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

31. PR-1213-U15530
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya semua tanah rizab Melayu yang ditukar status untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri hendaklah disegerakan pengantiannya dengan kawasan lain yang mempunyai nilai harga yang sama."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

32. PR-1213-U15531
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan supaya disegerakan semua usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan pentadbiran, kebajikan dan pembangunan Orang Asli."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

33. PR-1213-U14893
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memainkan peranan yang lebih positif dalam proses mencari pendamaian di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Utara Sri Lanka. Pengalaman Malaysia dalam mentadbir dan mengurus kepelbagaian etnik dan agama boleh digunakan untuk mengagihkan pengetahuan yang berguna kepada negara-negara ini."

(Menteri Luar Negeri)

34. PR-1213-U14894
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari iaitu kakitangan akademik di Institut-institut Pengajian Awam Negara adalah didominasi oleh satu golongan etnik. Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk memastikan bahawa lebih ramai calon daripada golongan bukan bumiputera dilantik sebagai kakitangan akademik pada masa depan agar mencerminkan komposisi multi-etnik negara." "

(Menteri Pengajian Tinggi)

35. PR-1213-U14896
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah efektif untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil demi menjaga kepentingan serta memenuhi keperluan masyarakat Cina dan India di negara ini."

(Menteri Pelajaran)

36. PR-1213-U15687
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti di bahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara bagi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "

(Menteri Pertahanan)

37. PR-1213-U15416
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan tuntutan Singapura untuk meluaskan zon ekonomi eksklusif dari Batu Puteh dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan untuk menentang tuntutan ini."

(Menteri Luar Negeri)

38. PR-1213-U14683

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi memperkukuhkan sistem pengangkutan awam yang cekap, tepat, pantas dan murah serta mempunyai satu sistem yang berintegrasi antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan tersebut harus diperluas ke seluruh pelosok negara tidak terhad hanya kepada bandar-bandar utama sahaja."

(Menteri Pengangkutan)

39. PR-1213-U14684

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan bagi mengurangkan kursus, seminar dan kegiatan pelancongan ke luar negara sebaliknya menggantikan lokasi tersebut ke dalam negara. Ini bagi menjimatkan kos perbelanjaan Kerajaan seterusnya merancakkan industri pelancongan dalam negara yang terjejas teruk akibat kenaikan harga petrol dan barangan keperluan. Ia juga dapat membantu pengusaha-pengusaha yang bergantung pendapatannya dengan kegiatan pelancongan seperti perhotelan, rekreasi dan seumpamanya."

(Menteri Pelancongan)

40. PR-1213-U15521

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa- Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap hukuman mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana bersetuju bahawa negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut. "

(Menteri Luar Negeri)

41. **Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Subang untuk mencadangkan suatu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat 2008."

(Menteri Dalam Negeri)

42. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan pemberita Sin Chew Jit Poh Cik Tan Hoon Cheng, penulis blog Raja Petra Kamaruddin dan Ahli Parlimen Seputeh YB Teresa Kok dalam bulan September tahun ini. Dewan ini juga memegang pendirian bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri merupakan akta yang tidak adil dan bercanggah dengan keadilan sejati (natural justice) dan hak asasi manusia, dan mengambil pendirian bahawa akta ini dimansuhkan."

(Menteri Dalam Negeri)